

## **Konsep Kendiri Pelajar: Kajian di Sekolah Menengah Sekitar Bandaraya Kuching, Sarawak**

oleh

**Mohd. Najib bin Abd. Ghaffar**  
Universiti Teknologi Malaysia  
**Hj Salehudin bin Hj Sabar**  
Institut Perguruan Batu Lintang

### **ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap konsep kendiri pelajar (kendiri fizikal, kendiri peribadi, kendiri identiti, kendiri keluarga, kendiri sosial, kendiri kepuasan diri, kendiri akhlak/moral dan kendiri tingkah laku) dan perbezaan konsep kendiri mereka berdasarkan data demografi (jantina, bangsa, lokasi tempat tinggal, pekerjaan bapa dan bilangan adik-beradik). Sampel kajian ini berjumlah 239 orang yang terdiri daripada pelajar tingkatan empat sekolah menengah di sekitar Bandaraya Kuching, Sarawak. Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik. Instrumen kajian menggunakan Soal Selidik Konsep Kendiri Tennessee dengan lima poin skala likert dengan pekali kebolehpercayaan cronbach Alfa 0.86. Analisis soal selidik mendapati tahap konsep kendiri di kalangan pelajar tingkatan empat sekolah menengah sekitar Bandaraya Kuching pada tahap sederhana dengan nilai min diantara 2.88 hingga 3.40. Dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan berdasarkan jantina kecuali dua kendiri iaitu kendiri keluarga dan kendiri akhlak/moral. Dapatan juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan berdasarkan bangsa kecuali kendiri keluarga. Berdasarkan lokasi tempat tinggal pula, dapatan menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan diantara pelajar yang tinggal di bandar dengan pelajar yang tinggal di kampung. Manakala berdasarkan pekerjaan bapa dan bilangan adik-beradik pula, dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan. Kajian juga mencadangkan beberapa kajian yang lebih spesifik berkaitan pembinaan kendiri pelajar atau remaja.*

### **PENGENALAN**

Manusia adalah makhluk ciptaan Allah yang paling hebat jika dibandingkan dengan makhluk-makhluk ciptaan-Nya yang lain. Sesuai dengan tujuan penciptaannya sebagai Khalifah Allah di atas muka bumi, manusia telah dibekalkan dengan akal fikiran dan berbagai potensi yang berbeza bagi membolehkan mereka sentiasa berkembang maju mengikut kemampuan masing-masing.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“...Sesungguhnya Kami telah menjadikan manusia itu dengan sebaik-baik kejadian...”.

(Attin:ayat 5)

Keistimewaan yang ada pada manusia adalah kerana wujudnya kombinasi keseluruhan kejadiannya yang unik, rohnya, jasadnya, nafsunya, jiwanya, citarasanya, akhlaknya, budinya, moralnya, istiqamahnya dan segala yang wujud pada diri manusia, memungkinkan ia menjadi khalifah di bumi. Manusia adalah makhluk yang amat berpotensi untuk menjadi sebaik-baik makhluk. Manusia adalah makhluk yang beradab dan bermoral. Dimana ada manusia, di situ ada nilai adab dan moralnya. Setiap pergerakan manusia samada tutur katanya, fikirannya, pakaiannya, lagaknya, bentuk muka dan keseluruhannya tidak terkeluar dari hukum adab dan moral yang mengikatnya. Jika baik yang berlaku ke atas dirinya, maka tinggilah nilai adab dan moralnya. Sebaliknya jika buruk yang dilakukan, maka rendah dan rosak nilai adab serta moralnya. Justeru itu, secara ringkas dapat dirumuskan bahawa nilai sebenar manusia itu terletak pada nilai adab dan moralnya.

Hari ini di Barat dan Eropah golongan pendidik, para sarjana dan ahli politik semakin sedar tentang kepincangan sistem pendidikan sekular yang memisahkan manusia daripada agama dan nilai moral. Mereka telah merumuskan bahawa sistem pendidikan kini tidak mampu menanam nilai-nilai kemanusiaan dan moral dalam kehidupan manusia. Bagi kita asas pendidikan Islam yang diwarisi tidak ketandusan bahan untuk memenuhi keperluan kerohanian dan akhlak yang tinggi serta nilai-nilai kemanusiaan sejagat. Cuma yang perlu dipertingkatkan ialah cara penyampaian dan pendekatannya dalam menghadapi masyarakat dan suasana yang berubah di segi budaya, politik, ekonomi dan pemikiran. Wawasan 2020 meletakkan asas tentang kepentingan agama dan akhlak dalam membangun masyarakat industri masa depan. Justeru itu, mereka yang terlibat dengan pendidikan perlulah peka kepada tanggungjawab membangun umat yang seimbang dari segi spiritual, intelektual dan material.

### **Latar Belakang Masalah**

Perkembangan semasa membabitkan disiplin pelajar sekolah pada masa kini kian mendapat perhatian semua pihak terutama Kementerian Pelajaran Malaysia yang berusaha keras mengatasinya....” Jika saya bersedia bertanggungjawab, guru sekolah seharusnya lebih bertanggungjawab terhadap apa yang berlaku...” (Hishammuddin Hussein: 2005). Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas mengiringi Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah yang berkenan melawat Sekolah Menengah Agama Al-Maidah Addiniah tempat berlakunya kes buli ke atas adik Muhammad Afiq Qusyairi Baharuddin yang kemungkinan menghadapi risiko lumpuh akibat peristiwa tersebut.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohd. Bakri Omar turut meluahkan kebimbangan berikutan peningkatan jumlah pelajar sekolah yang ditangkap polis sejak kebelakangan ini. Lebih membimbangkan kata beliau, apabila sebahagian besar pelajar berkenaan terlibat dalam pelbagai kes jenayah. Menurutnya, statistik Polis Di Raja Malaysia (PDRM) menunjukkan seramai 2,562 pelajar ditangkap pada tahun 2003 dan 1,429 daripada mereka didapati melakukan kes jenayah. Katanya, jumlah ini semakin meningkat pada tahun lalu apabila polis berjaya menangkap 2,710 pelajar dan 1,499 daripada mereka melakukan jenayah. (Utusan Malaysia: 13 Julai 2005)

Laporan pemeriksaan penuh terhadap beberapa sekolah di Sarawak yang dijalankan oleh pihak Jemaah Nazir Sarawak pada tahun 2002 mendapati, kes disiplin yang berlaku di sekolah ialah ponteng sekolah, ponteng kelas, merokok, mencuri, berjudi, merosakkan harta benda sekolah, bergaduh dan berambut panjang.

Isu-isu gejala sosial sering diperkatakan dan remaja menjadi sasaran dalam hujah-hujah seperti tersebut. Permasalahan sosial dan kesihatan seperti salah laku, ponteng sekolah, dadah, arak,

kehamilan dan pengguguran, penderaan dan pengabaian, sumbang mahram, kekeliruan jantina, tekanan emosi, buli dan pelacuran semuanya amat membimbangkan. Kita tidak mahu masa hadapan negara tergugat oleh golongan remaja diabaikan. Sudah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk lebih perihatin dengan kehendak golongan remaja. Kita perlu memberi masa dan ruang untuk mendengar bisikan hati anak-anak remaja dan cuba membuat sesuatu bagi mengukuhkan perhubungan sesama mereka bagi mengelak berlakunya perkara-perkara yang tidak diingini.

### **Pernyataan Masalah**

Masalah delikueni di kalangan pelajar sekolah mungkin disebabkan oleh konsep sendiri. Dengan itu satu kajian akan dilaksanakan untuk mengetahui tahap konsep sendiri pelajar.

### **Persoalan Kajian**

1. Apakah tahap konsep sendiri pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah di Bandaraya Kuching?
2. Apakah terdapat perbezaan yang signifikan tahap konsep sendiri di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan?
3. Apakah terdapat perbezaan yang signifikan tahap konsep sendiri antara pelajar yang berlainan bangsa?
4. Apakah terdapat perbezaan yang signifikan tahap konsep sendiri antara pelajar berdasarkan lokasi tempat tinggal mereka?
5. Apakah terdapat perbezaan yang signifikan tahap konsep sendiri antara pelajar berdasarkan status pekerjaan bapa mereka?
6. Apakah terdapat perbezaan yang signifikan tahap konsep sendiri antara pelajar berdasarkan bilangan adik-beradik?

### **Rasional Kajian**

Kajian yang melibatkan pelajar sekolah menengah ini, akan dapat memberikan sedikit gambaran tentang tahap konsep sendiri pelajar. Dengan itu, adalah diharapkan kajian ini dapat membantu pihak yang paling signifikan dengan perkembangan anak-anak iaitu ibu bapa dalam menghadapi karenah anak-anak mereka, supaya anak-anak dapat menjadi insan yang diharapkan dan dibanggakan oleh mereka satu hari nanti.

Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat memberikan manfaat kepada pihak sekolah terutama guru-guru supaya lebih memahami keadaan dan keperluan pelajar dan sama-sama membantu membentuk sendiri sebenar pelajar supaya mereka menjadi insan yang berguna kepada agama, keluarga, bangsa dan negara.

Kajian ini juga dapat dijadikan maklumat dan input bagi Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak serta organisasi-organisasi yang prihatin terhadap masalah remaja terutama pelajar dalam membentuk program atau mencari jalan penyelesaian pelbagai masalah salah laku pelajar zaman ini kerana mecegah itu lebih baik daripada merawat atau mengubati.

Pengetahuan tentang konsep sendiri mereka dapat membantu ibu bapa, guru-guru dan kaunselor merancang strategi dan cara-cara mewujudkan suasana yang kondusif supaya konsep sendiri mereka dapat dibina ke arah yang lebih positif.

### **Batasan Kajian**

Kajian ini ingin mengetahui tahap konsep sendiri di kalangan pelajar sekolah-sekolah menengah sekitar Bandaraya Kuching. Kajian ini juga membatasi kajian dalam lapan aspek konsep sendiri pelajar iaitu sendiri fizikal, akhlak dan moral, sendiri peribadi, sendiri keluarga, sendiri hubungan sosial, identiti, kepuasan diri dan tingkah laku.

Lapan aspek ini amat penting kerana mempunyai hubungan yang signifikan dengan konsep sendiri yang melibatkan tanggapan pelajar terhadap diri sendiri dengan persekitaran mereka.

### **Definisi Konsep Kendiri**

Rogers (1951), konsep sendiri adalah terdiri daripada gabungan di antara penilaian sendiri, penilaian orang lain dan penilaiannya mengenai persepsi orang lain terhadap dirinya. Shavelon dan Bolus, konsep sendiri ialah tanggapan seseorang pada dirinya yang meliputi kepercayaan, perasaan, sikap dan nilai. Jersild (1952), berpendapat bahawa konsep sendiri seseorang merupakan semua perkara yang boleh dikatakan miliknya seperti sistem, idea, sikap, nilai dan komitmen seseorang. Kendiri adalah seluruh alam sekitar seseorang dan merupakan pusat pengalaman yang bermakna baginya kerana membezakan dunia dalaman seseorang dengan dunia dalaman orang lain.

Stains (1954), konsep sendiri adalah satu sistem tanggapan, konsep dan penilaian seseorang individu mengenai dirinya sendiri. Ia merangkumi respons individu tersebut yang berbentuk penilaian secara kognitif dan sedar mengenai dirinya serta pemahamannya tentang jangkaan dan gambaran orang lain terhadap dirinya.

Purkey (1970), Konsep sendiri sebagai seluruh kepercayaan, sikap dan pendapat seseorang yang dirasakannya benar mengenai dirinya. Ia merupakan pusat pengalaman dan kriteria dimana segala perkara mengenai dirinya diukur. Fitts (1971), Konsep sendiri adalah persepsi seseorang terhadap dirinya sendiri dan penilaiannya terhadap dirinya sendiri.

Coopersmith (1974), Konsep sendiri ialah gambaran seseorang mengenai dirinya seperti yang difahami dirinya atau ia adalah idea seseorang mengenai dirinya sendiri, sifat dan perangai yang utama dan ketara.

Hullock (1974), konsep sendiri merupakan pusat personaliti yang mempunyai pengaruh yang besar terhadap tingkah laku individu dan kesihatan mentalnya. Ia boleh dibahagikan kepada empat bahagian iaitu, konsep sendiri asas, perolehan, sosial dan unggul.

Menurut Al-Ghazali, kendiri dalam bahasa Arab disebut sebagai Qalb iaitu zat atau pati kemanusiaan itu sendiri. Asas sendiri yang penting dalam diri seseorang adalah daya nafsu, daya amarah dan daya intelek. Daya nafsu lahir daripada ciri kehaiwanan, daya marah lahir daripada ciri keganasan dan daya intelek lahir daripada ciri ketuhanan. Jika daya intelek atau 'aql diutamakan akan lahirlah sifat-sifat berilmu, berhikmah dan keyakinan dalam diri seseorang. Jika nafsu menguasai diri akan lahirlah sifat tamak, jahat, riak, hasad, tidak

menghormati orang lain dan sebagainya. Jika daya amarah menguasai diri seseorang, lahirlah sifat permusuhan, benci, penghinaan, takbur dan sebagainya. Dalam perspektif Islam seseorang yang mempunyai konsep sendiri yang tinggi merupakan orang yang beriman, berilmu dan sentiasa bertaqwa kepada Allah S.W.T. Sebaliknya orang yang mempunyai konsep sendiri yang rendah seperti tidak mempunyai cita-cita atau cita-cita rendah, penakut, terlalu pemalu, mudah putus asa, selalu mengharap pertolongan daripada orang lain, terlalu merendah diri dan juga tidak bertaqwa kepada Allah S.W.T. ( Mohammad Saleh: 1999 ).

Menurut Habibah dan Noran Fauziah (2002) Konsep sendiri boleh ditakrifkan sebagai penilaian seseorang ke atas dirinya sendiri atau bagaimana ia menganggap tentang dirinya sendiri sama ada secara positif atau negatif. Untuk membina konsep sendiri seseorang juga menerima penilaian daripada orang lain. Konsep sendiri seseorang meliputi persepsi tentang diri dan alam sekelilingnya melalui derianya dan juga perasaan tentang kebolehannya yang meliputi keyakinan dan harga dirinya. Menurut Azizi dan Fawziah (2003) manusia mempunyai suatu gambaran atau pandangan tentang diri sendiri, Gambaran inilah disebut konsep sendiri atau imej sendiri. Ia merangkumi gambaran tentang rupa paras, kesihatan fizikal, kebolehan, kelemahan dan tingkah laku kita. Konsep sendiri boleh didefinisikan sebagai penilaian seseorang ke atas dirinya sendiri atau bagaimana ia menganggap tentang dirinya sendiri sama ada secara positif atau negatif. Ia berkait rapat dengan perasaan kita terhadap kebolehan kita, perkara yang berlaku pada diri kita dan perkara yang akan berlaku pada diri kita.

## **METODOLOGI KAJIAN**

### **Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian ini merupakan kajian deskriptif dan berbentuk kuantitatif, iaitu menggambarkan sesuatu fenomena yang berlaku. Kajian ini memfokuskan kepada konsep sendiri pelajar.

### **Populasi dan Sampel Kajian**

Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan empat di lapan buah sekolah menengah di Bandaraya Kuching, Sarawak, yang terdiri daripada pelbagai kaum, Melayu, Cina, Iban dan Bidayuh. Sampel merupakan sumber untuk mendapatkan data. Sampel kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan empat sekolah menengah sekitar Bandaraya Kuching. Daripada senarai bilangan sekolah menengah di sekitar Bandaraya Kuching, pengkaji telah menggunakan kaedah cabutan bertuah dari peti untuk menentukan tempat kajian. Menurut Mohamad Najib (1999), kaedah persampelan ini dipanggil kaedah rawak mudah. Oleh kerana kajian ini adalah berbentuk deskriptif, pengkaji telah menetapkan hanya 10% dari jumlah populasi untuk dijadikan sampel kajian. Menurut Gay (1981) , jika kajian yang hendak dilakukan berbentuk kajian deskriptif saiz minimum ialah sepuluh peratus daripada jumlah populasi.

Kajian ini telah dijalankan di lapan buah sekolah menengah di sekitar Bandaraya Kuching, Sarawak iaitu, SMK Batu Lintang, SMK Tabuan Jaya, SMK Kuching No.2, SMK Pending, SMK Wira Penrisen, SMK Tun Abg. Hj Openg, SMK Tuanku Abd. Rahman dan SMK Matang Hilir.

## **Pengumpulan Data**

Data yang dikumpulkan dalam kajian ini diperoleh dari sumber primer dan sekunder. Data-data primer diperoleh daripada maklum balas pelajar-pelajar dengan menggunakan soal selidik konsep sendiri Tennessee yang telah disediakan lebih awal. Data sekunder pula diperoleh melalui penyelidikan perpustakaan yang meliputi jurnal, buku-buku rujukan, majalah, akhbar-akhbar dan melalui internet. Data ini diperlukan bagi membantu penyelidik dalam memperkuat bukti sesuatu data yang berhubungan dengan kajian yang dibuat.

Kebenaran untuk melakukan kajian terhadap sekolah yang telah dikenal pasti mesti mendapat kelulusan daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak diperlukan untuk memulakan kajian ini. Penyelidik telah pergi ke sekolah berkenaan bagi mendapatkan keizinan pengetua dan bantuan daripada guru sekolah untuk mengedarkan dan mentadbirkan soal selidik.

## **Instrumentasi**

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai alat mengumpulkan maklumat. Instrumen dibina untuk meninjau sejauh mana tahap konsep sendiri pelajar.

## **Kajian Rintis**

Kajian rintis telah dijalankan di SMK Lumba Kuda dan seramai 25 orang pelajar tingkatan empat telah dipilih secara rawak. Setelah diuji dengan menggunakan SPSS (*Statistik Package for Social Science*) nilai pekali kebolehpercayaan "*cronbach alpa*" secara keseluruhan adalah 0.82.

## **Soal Selidik Konsep Kendiri**

Bagi melihat pengaruh konsep sendiri pelajar, penyelidik menggunakan soal selidik Konsep Kendiri Tennessee untuk mengukur rendah atau tingginya konsep sendiri yang dimiliki oleh pelajar. Soal selidik ini diambil dari kajian yang dilakukan oleh Othman (1995) dan Norzian (2004). Ini kerana soal selidik ini dianggap sesuai digunakan untuk mengukur lapan konsep sendiri pelajar termasuk sendiri fizikal, akhlak dan moral, peribadi, keluarga, identiti, tingkah laku, kepuasan diri dan hubungan sosial.

## **Analisis Data**

Data yang telah dikumpulkan dianalisis dengan menggunakan program SPSS (*Statistik Package for Social Science*). Hasil daripada analisis ini digambarkan dalam bentuk jadual. Statistik kekerapan, min dan peratus digunakan untuk menganalisis data yang diperoleh tersebut.

## DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan hasil analisis data mengenai persoalan-persoalan kajian yang dikemukakan, dapatan kajian dapat dirumuskan seperti berikut:

1. Analisis dapatan menunjukkan tahap konsep sendiri pelajar tingkatan empat sekolah menengah sekitar Bandaraya Kuching berada pada tahap sederhana dengan nilai min diantara 2.88 hingga 3.40 berdasarkan lapan sendiri.
2. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan konsep sendiri pelajar lelaki dan perempuan kecuali dua konsep sendiri (kendiri keluarga dan kendiri akhlak dan moral) yang terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Enam kendiri pelajar yang lain menunjukkan tidak terdapat perbezaan nilai min yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan.
3. Dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan terhadap tujuh konsep sendiri pelajar berdasarkan bangsa kecuali satu iaitu kendiri keluarga yang menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan. Ini menunjukkan bahawa institusi keluarga merupakan aset yang sangat penting dan berpengaruh dalam pembinaan konsep sendiri remaja tanpa mengira bangsa, keturunan atau warna kulit.
4. Dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan terhadap tujuh konsep sendiri pelajar berdasarkan lokasi tempat tinggal mereka kecuali satu iaitu kendiri keluarga yang menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan. Ini menunjukkan bahawa, selain daripada faktor keluarga, keadaan persekitaran dan lokasi tempat tinggal juga mempunyai pengaruh yang signifikan dalam proses perkembangan konsep sendiri remaja.
5. Dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan terhadap lapan konsep sendiri (kendiri fizikal, kendiri peribadi, kendiri identiti, kendiri keluarga, kendiri sosial, kendiri kepuasan diri, kendiri akhlak/moral dan kendiri tingkah laku) antara pelajar berdasarkan status pekerjaan bapa mereka. Ini menunjukkan bahawa faktor pekerjaan bapa kurang memberi kesan terhadap proses pembentukan konsep sendiri remaja. Pengkaji berpendapat, walaupun keperluan kebendaan penting dalam kehidupan seseorang tetapi, apa yang lebih diperlukan oleh para remaja kita pada hari ini ialah perkara-perkara yang berkaitan emosi dan rohani seperti kasih sayang, penghormatan, bimbingan agama, penerimaan dan sokongan moral daripada orang-orang yang signifikan dalam kehidupan mereka.
6. Dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan terhadap lapan konsep sendiri (kendiri fizikal, kendiri peribadi, kendiri identiti, kendiri keluarga, kendiri sosial, kendiri kepuasan diri, kendiri akhlak/moral dan kendiri tingkah laku) antara pelajar berdasarkan bilangan adik-beradik. Ini menunjukkan bahawa, kendiri seseorang sama ada tinggi atau rendah bukanlah ditentukan dengan jumlah bilangan adik-beradik dalam sesebuah keluarga. Berapa ramai orang yang berjaya dalam hidup mereka hari ini adalah berasal dari sebuah keluarga yang besar. Pengalaman hidup dalam keluarga yang ramai adik-beradik telah membantu mereka dalam membina sendiri yang positif.

## PENUTUP

Hasil daripada kajian, pengkaji mendapati tahap konsep sendiri pelajar tingkatan empat di sekitar Bandaraya Kuching berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan bahawa para pelajar atau golongan remaja kita masih boleh dididik dan dibentuk ke arah sendiri yang lebih positif. Justru itu, semua pihak yang terlibat proses pembinaan konsep sendiri para pelajar tidak perlulah menyalahkan mana-mana pihak terhadap isu dan masalah pelajar pada hari ini tetapi, mereka perlulah berganding bahu dan bekerjasama dengan lebih erat bagi mengatasi masalah tersebut. Apa yang penting semua pihak mestilah sentiasa berlapang dada dan ikhlas di atas segala teguran dan pandangan yang diberikan oleh mana-mana pihak.

Selain dari itu pengkaji juga mendapati faktor keluarga, persekitaran dan pendidikan mempunyai pengaruh yang sangat signifikan ke atas proses pembinaan konsep sendiri para pelajar. Manakala faktor-faktor lain seperti jantina, saiz keluarga dan bangsa kurang mempengaruhi konsep sendiri para pelajar. Ini menunjukkan bahawa, tiga faktor iaitu keluarga, persekitaran dan pendidikan perlu diberi perhatian yang serius oleh semua pihak dalam usaha membina konsep sendiri yang positif di kalangan para pelajar. Pihak kerajaan perlu memperbanyakkan lagi kursus-kursus yang berkaitan kekeluargaan sama ada jangka panjang atau jangka pendek bagi meningkatkan lagi kesedaran, peranan dan kemahiran keibubapaan. Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) hendaklah berperanan dengan lebih aktif dengan merancang berbagai program yang dapat menarik minat golongan ibu bapa untuk melibatkan diri seperti kursus dan seminar motivasi untuk ibu bapa, gotong royong, hari keluarga dan sebagainya.

Selain dari itu juga, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia perlulah lebih perihatin terhadap pelaksanaan sistem pendidikan di sekolah. Sama ada kita sedar atau tidak, sebenarnya para pelajar kita hari ini sedang menghadapi delima atau konflik tentang apa yang mereka perolehi di dalam bilik darjah dengan apa yang berlaku di persekitaran mereka. Para guru bertungkus lumus mendidik di sekolah tetapi apabila mereka keluar sahaja ke masyarakat berlakulah pertembungan nilai antara yang mereka pelajari dengan apa yang mereka hadapi di persekitaran mereka. Justru itu, semua pihak sama ada kerajaan atau swasta hendaklah lebih perihatin terhadap setiap program dan aktiviti yang dianjurkan, seperti tamsil yang selalu kita dengar iaitu, kalau kita menanam sebatang pokok bukan setakat perlu disiram dan dibaja tetapi juga perlu dijaga persekitarannya dari anasir-anasir yang boleh merosakkan pokok tersebut, begitulah juga halnya dengan para pelajar kita.

## BIBLIOGRAFI

- Woolfolk, A. E. (1993). *Educational Psychology*. Fifth Edition, Boston, USA: Allyn and Bacon.
- Azizi dan Fawziah (2003). *Pembangunan Kendiri*. Skudai Johor Darul Taazim: Universiti Teknologi Malaysia.
- Habibah dan Noran Fauziah (2002). *Psikologi Personaliti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Hamid Fahmy (1990). *Pemikiran Al-Ghazali Tentang Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohamad Saleh (1999). *Memahami Psikologi*. Selangor Darul Ehsan: Percetakan Putrajaya.